

# Jejantas uzur **bahayakan pengguna**

Adun dakwa tiada tindakan susulan walaupun tiga kali aduan dibuat kepada MPK

DIANA SURYA ABD WAHAB

KUANTAN – Jejantas yang dijadikan laluan alternatif, khususnya buat pejalan kaki di Jalan Tun Ismail, di sini, semakin uzur dan usang, sekaligus boleh mengundang bahaya kepada pengguna.

Pengguna, Leong Yew Lin, 30, berkata, setiap hari ramai pengguna menggunakan jejantas tersebut, sama ada untuk ke pasar, tempat kerja dan stesen bas namun keadaan fizikalnya sangat membimbangkan.

Menurutnya, walaupun tahu risiko dilaluinya setiap hari, dia tiada pilihan selain menggunakan jejantas itu.

“Ia sangat menyukarkan untuk berjalan kerana terpaksa berhati-hati. Ada juga rasa takut-takut bimbang ia roboh dan sebagainya tetapi

INFO

● Tiga kali aduan dikemukakan kepada MPK

terpaksa juga guna untuk sebarang jalan.

“Bumbung jejantas ini rosak teruk dan kebanyakannya sudah tidak ada lagi, malah yang masih ada pun bocor sana sini. Manakala besi-besi yang ada pada jejantas termasuk tempat pemegang juga kelihatan berkarat hingga langsung tak boleh disentuh,” katanya kepada pemberita di sini, semalam.

Yew Lin berkata, pihak berkaitan harus meneliti semula rekaan dan melakukan pengubahsuaian supaya jejantas yang digunakan setiap masa oleh penjalan kaki di bandar ini dibina dengan



Chean Chung (tengah) dan Yew Lin (kanan) meninjau keadaan jejantas yang uzur dan usang di Jalan Tun Ismail.

SINAR HARIAN 31 MEI 2017  
lebih selamat.

“Jejantas yang rosak teruk ini sepatutnya diselenggara

secara berkala supaya sentiasa terjaga.

“Bukan sahaja rosak,

malah beri pemandangan kurang menyenangkan,” katanya.

Sementara itu, Adun Semambu, Lee Chean Chung yang meninjau keadaan jejantas itu berkata, aduan sudah dikemukakan kepada Majlis perbandaran Kuantan (MPK) namun masih tiada tindakan susulan diambil.

“Pihak kami sudah hantar surat aduan tiga kali kepada MPK untuk diambil tindakan, namun sehingga sekarang masih tiada perubahan.

“Ada juga jawapan diterima daripada pihak PBT itu menyatakan masih tiada peruntukan untuk menyelenggara jejantas tersebut.

“Sepatutnya pihak mereka perlu memberi keutamaan kepada keselamatan rakyat tambahan pula ia merupakan salah satu fasiliti penting yang digunakan di dalam bandar ini,” katanya.